




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

21 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 651 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 212,329 kes. Sebanyak 16 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Tawau, dua (2) kes di Lahad Datu manakala Semporna, Ranau, Kota Marudu, Kota Kinabalu, Keningau, Beluran, Tuaran dan Tenom masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 541 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 201,466 orang. Manakala 2,051 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 785 orang di hospital, 1,241 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 23 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 98 orang merangkumi 94 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 30 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 151 (48.87%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah mencatatkan peningkatan tinggi sebanyak (+225) kes dengan catatan kumulatif harian berjumlah (651) kes setelah jatuh kepada (426) kes semalam.
- b. Pada hari ini juga kita menyaksikan sejumlah 22 daerah di Sabah mengalami peningkatan, lima (5) daerah lagi mengalami penurunan dan hanya satu (1) daerah iaitu Pitas merekodkan penurunan ketara (-15) kes.
- c. Seluruh kawasan bandar utama juga merekodkan peningkatan kes kecuali Penampang.
- d. Walau bagaimanapun, tidak ada daerah yang mencatatkan kes pada paras tiga (3) angka dan hanya dua (2) daerah yang mencatatkan kes harian melebihi paras (50) kes.
- e. Faktor yang mempengaruhi peningkatan kes pada hari ini adalah disebabkan terdapat banyaknya daerah yang mencatatkan peningkatan ketara seperti Beaufort (+38) kes, Kudat (+35) kes, Lahad Datu (+22) kes, Tawau (+20) kes, Papar (+16) kes, Kota Belud (+15) kes, Keningau (+13) kes, Beluran (+13) kes dan Sipitang (+10) kes.
- f. Terdapat dua (2) kluster baru direkodkan hari ini yang tercetus di daerah Beaufort. Kluster Kampung Bawan adalah kluster yang berpunca dari tempat kerja dan setakat ini telah menjangkiti 34 orang, manakala Kluster Kampung Batu 66 yang merupakan kluster komuniti setakat ini telah menjangkiti 29 orang. Walau bagaimanapun, kluster-kluster ini tidak mempengaruhi peningkatan kes yang direkodkan hari ini.
- g. Sejumlah (228) kes atau 35.02% adalah merupakan kes daripada Saringan Bergejala yang sinonim kepada kes-kes sporadik.

- h. Sungguhpun kes yang dilaporkan pada hari ini adalah tinggi berbanding semalam, hanya (400) kes atau 61.44% adalah kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Kes-kes yang selebihnya adalah kes-kes yang didaftar lewat dua hari atau lebih lama setelah keputusan saringan diketahui.
- i. 94.93% daripada kes yang direkodkan hari ini hanya dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang lazimnya hanya memerlukan rawatan dan penilaian di rumah atau PKRC. Terdapat empat (4) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5. Sejumlah (18) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- j. Masyarakat digesa agar terus mematuhi SOP yang telah digariskan bagi membendung penularan virus COVID-19 dari merebak.
- k. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang meningkat pada hari ini dengan jumlah catatan sebanyak (361) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	0.61%
2	Bergejala	228	35.02%
3	Kontak	361	55.45%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	58	8.90%
JUMLAH		651	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 20/10/2021	Catatan Kes 21/10/2021	Perbandingan
1	Beaufort	14	52	+38
2	Kudat	10	45	+35
3	Lahad Datu	11	33	+22
4	Tawau	5	25	+20
5	Papar	14	30	+16
6	Kota Belud	45	60	+15
7	Keningau	27	40	+13
8	Beluran	9	22	+13
9	Sipitang	20	30	+10
10	Tenom	34	43	+9
11	Sandakan	14	23	+9
12	Kuala Penyu	0	8	+8
13	Tongod	0	8	+8
14	Kunak	3	9	+6
15	Tuaran	22	27	+5
16	Kota Kinabalu	43	47	+4
17	Kota Marudu	34	38	+4
18	Putatan	10	14	+4
19	Nabawan	5	8	+3
20	Semporna	3	6	+3
21	Tambunan	16	18	+2
22	Kinabatangan	7	8	+1
23	Pitas	22	7	-15
24	Ranau	36	33	-3
25	Penampang	17	15	-2
26	Telupid	4	2	-2
27	Kalabakan	1	0	-1
JUMLAH		426	651	+225

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (7 Oktober – 20 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	36	21	0	3	60	859
Beaufort	4	29	19	0	0	52	332
Kota Kinabalu	0	21	20	0	6	47	904
Kudat	0	39	6	0	0	45	413
Tenom	0	31	10	0	2	43	503
Keningau	0	26	13	0	1	40	540
Kota Marudu	0	16	19	0	3	38	474
Ranau	0	16	17	0	0	33	587
Lahad Datu	0	4	13	0	16	33	394
Sipitang	0	24	6	0	0	30	162
Papar	0	15	14	0	1	30	327
Tuaran	0	17	7	0	3	27	492
Tawau	0	16	2	0	7	25	273
Sandakan	0	8	9	0	6	23	302
Beluran	0	10	10	0	2	22	217
Tambunan	0	13	5	0	0	18	188
Penampang	0	8	7	0	0	15	381
Putatan	0	4	6	0	4	14	263
Kunak	0	9	0	0	0	9	85
Kinabatangan	0	4	4	0	0	8	193
Nabawan	0	6	1	0	1	8	100
Kuala Penyu	0	1	7	0	0	8	51
Tongod	0	4	4	0	0	8	83
Pitas	0	3	3	0	1	7	320
Semporna	0	0	4	0	2	6	84
Telupid	0	1	1	0	0	2	142
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	33
JUMLAH	4	361	228	0	58	651	8,702

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Beaufort	Kluster Kampung Batu 66	2
	Kluster Kampung Bawan	2
Jumlah		4

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Kg Bawan - Beaufort** dikategorikan sebagai kluster tempat kerja iaitu di salah sebuah klinik kerajaan. Penularan jangkitan bagi kluster ini dipercayai berpunca daripada aktiviti makan-makan di rumah keluarga kes indeks di Kg Bawan seminggu sebelum dikesan positif. Majoriti kes positif adalah melibatkan ahli keluarga dan rakan sekerja. Kes indeks merupakan petugas kesihatan, lelaki, 31, dan tinggal di kuarters kerajaan bersama rakan setugas apabila bertugas atas panggilan. Kes indeks disahkan positif melalui ujian RTK Ag pada 07 Oktober 2021 di Klinik Kesihatan Membakut, setelah demam dan batuk sejak 04 Oktober 2021. Hasil saringan kontak rapat, 24 ahli keluarga dan 10 rakan setugas juga didapati positif. Bermula 07 Oktober sehingga 21 Oktober 2021, sebanyak 34 kes termasuk dua (2) kes baharu hasil saringan ke atas 51 kontak.
- ii **Kluster Kg Batu 66 - Beaufort** merupakan kluster jenis komuniti dan berlaku dalam daerah Beaufort. Kes indeks adalah wanita tempatan, 36, yang disahkan positif melalui ujian PCR pada 08 Oktober 2021 di Hospital Beaufort selepas bergejala sejak 06 Oktober 2021. Hasil penelitian, penularan jangkitan dipercayai berpunca daripada kenduri kematian mendiang ayah kepada kes indeks yang ke-40 hari pada 04 Oktober 2021 di Kg Batu 66 dan dihadiri oleh keluarga dan jiran terdekat. Selain itu, majlis pengebumian pada 11 Oktober 2021 yang juga dipercayai menyumbang kepada peningkatan jumlah kes positif COVID-19 dalam kalangan komuniti. Majoriti kes positif melibatkan ahli keluarga dan tetamu dari sekitar Mukim Montenor. Bermula 08 sehingga 21 Oktober 2021, sebanyak 29 kes termasuk dua (2) kes baharu dikesan daripada 36 kontak yang telah disaring.

7 Jumlah kapasiti katil 6,398 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,008 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.06%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	631
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	20
Jumlah	651

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	586
Bukan Malaysia	65
Jumlah	651

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	130
Belum Menerima Vaksin	110
Menerima 1 Dos	19
Lengkap 2 Dos	392
Jumlah	651

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	56
6 to 11	69
12 to 17	28
18 to 25	93
26 to 59	326
>60	74
Jumlah	651

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 21 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

D SOP PASAR MALAM/MINGGUAN & TAMU

SOP pasar malam/mingguan dan tamu bagi seluruh negeri Sabah di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **658,875** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,916 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak enam (6) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Enam (6) Orang : Individu gagal Membuat Imbasan Suhu Badan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 225 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,141 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 319 premis perniagaan dan 453 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu masuk premis belum lengkap 2 dos vaksin di Kedai Kopi & Makanan Day & Night, Bandaran Berjaya. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis membenarkan individu masuk dalam premis tanpa mengimbas MySejahtera dan tidak lengkap 2 dos vaksin di Kedai Kopi & Makanan Day & Night, Bandaran Berjaya.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 292 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Sebanyak lima (5) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 107 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 210 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kota Marudu	98%
3	Penampang	98%
4	Ranau	98%
5	Kunak	98%
6	Beluran	98%
7	Beaufort	98%
8	Tuaran	98%
9	Papar	97.5%
10	Semporna	97.5%
11	Kota Belud	97.5%
12	Keningau	97.5%
13	Tenom	97.5%
14	Lahad Datu	97.5%
15	Tawau	97.5%
16	Sandakan	97.5%
17	Kota Kinabalu	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Kudat	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya


#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

 SOP PASAR MALAM/MINGGUAN & TAMU				
AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Pasar Harian, Pasar Tamu, Pasar Tani, Pasar Borong, Pasar Malam, Pasar Mingguan Nota: Pembukaan pasar tamu, pasar tani dan pasar malam adalah terakluk kepada penilaian risiko oleh PBT.	Waktu Operasi adalah ditentukan oleh PBT	Saringan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> Semua pekerja dan pembekal diambil suhu badan dan disaring setiap hari dan dipastikan tidak bergejala; Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas; Pekerja dan pembekal diwajibkan memakai topeng muka atau <i>face mask</i> setiap masa; dan Penjaja/Operator dan pelanggan telah lengkap divaksin. 	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.
		Penjarakan Fizikal dan Kawalan Bilangan Pengunjung	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan jarak fizikal satu (1) meter antara setiap pelanggan semasa pembelian; Memastikan pengawalan bilangan pengunjung adalah berdasarkan had yang dibenarkan pada satu-satu masa; dan Susun atur gerai dengan penjarakkan antara 1.5 meter hingga 2.0 meter antara gerai. 	
		Amalan Cuci Tangan	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan fasiliti mencuci tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>; dan Mewajibkan pekerja kerap membersihkan tangan selepas membuat satu tugas kerja. 	
		Pembersihan dan Nyah Kuman	<ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang; dan Menggunakan cecair pencuci untuk melakukan nyah kuman mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh. 	



SOP PASAR MALAM/MINGGUAN & TAMU

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Pasar Harian, Pasar Tamu, Pasar Tani, Pasar Borong, Pasar Malam, Pasar Mingguan Nota: Pembukaan pasar tamu, pasar tani dan pasar malam adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh PBT.	Waktu Operasi adalah ditentukan oleh PBT	Membekalkan <i>Face Mask</i>	Membekalkan <i>face mask</i> secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.
		Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none">1. Pengusaha Operator Premis wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat;2. Setiap penjaja perlu menyediakan QR kod di gerai masing-masing; dan3. Pengusaha Operator Premis perlu memastikan pekerja, pembekal dan pelanggan merekod kehadiran secara manual atau menggunakan aplikasi MySejahtera.	
		Pemantauan Oleh PBT	<ol style="list-style-type: none">1. PBT akan menjalankan rondaan di kawasan premis perniagaan dan juga di dalam premis perniagaan; dan2. Kompaun akan dikeluarkan sekiranya didapati berlaku pelanggaran SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN.	
		Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none">1. Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari;2. Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasi;3. Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan dalam pasar pada satu satu masa;4. Pihak Operator tapak pasar/tamu perlu menyediakan laluan khas keluar dan masuk bagi mengelakkan kesesakan; dan5. Keperluan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan.	